

**SOALAN NO. 2****PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB BUKAN LISAN****MESYUARAT KETIGA, DEWAN RAKYAT****PENGGAL KELIMA, PARLIMEN KETIGA BELAS****MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN**

**DARIPADA : PUAN ZURAIDA BINTI KAMARUDDIN  
[AMPANG]**

**TARIKH : 23 OKTOBER 2017 (ISNIN)**

**SOALAN :**

**Puan Zuraida Binti Kamaruddin [Ampang] minta MENTERI  
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**  
menyatakan sama ada pihak Kementerian boleh memberi status  
perkhidmatan komuniti kepada TASKA bagi memudahkan proses  
pendaftaran tanpa banyak birokrasi.

4

**JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI**  
**PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN**  
**MASYARAKAT**

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) menyedari kepentingan perkhidmatan TASKA kepada komuniti setempat dan sentiasa berusaha membantu pengusaha TASKA dalam menubuhkan TASKA. TASKA yang ditubuhkan tertakluk kepada Akta TASKA 1984 dan Peraturan-Peraturan TASKA 2012. Kementerian setakat ini tiada cadangan untuk memberi status perkhidmatan komuniti kepada TASKA bagi memudahkan proses pendaftaran tanpa banyak birokrasi. Penubuhan TASKA perlu mematuhi kehendak minima akta dan peraturan yang telah ditetapkan.

Semua TASKA yang berdaftar perlu berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) atau Pendaftar Pertubuhan (ROS), memenuhi standard minimum yang ditetapkan seperti yang terkandung dalam Peraturan-Peraturan TASKA 2012 dan memenuhi syarat-syarat yang

ditetapkan oleh tiga agensi teknikal iaitu Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Jabatan Bomba dan Penyelamat dan Jabatan Kesihatan serta Jabatan Tanah dan Survei untuk negeri Sarawak sahaja. Seandainya TASKA tersebut berbentuk perkhidmatan komuniti, ia juga perlu didaftarkan dan memenuhi syarat-syarat penubuhan seperti yang telah ditetapkan.

Tuan Yang Dipertua,

Syarat-syarat pendaftaran ini adalah bagi memastikan keperluan keselamatan, kesihatan dan kesejahteraan kanak-kanak di TASKA dipenuhi. Setiap agensi yang terlibat dalam proses pendaftaran TASKA mempunyai fungsi masing-masing serta mereka akan membantu dan membimbing pengusaha TASKA dalam memastikan TASKA berkenaan dapat memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan agensi-agensinya amat memandangkan berat isu keselamatan, kesihatan dan kesejahteraan kanak-kanak di TASKA. Ia juga merupakan satu tanggungjawab bagi memastikan amanah yang diberikan oleh ibu bapa kanak-kanak di TASKA dilaksanakan sebaik mungkin.

6

Sebagai kesimpulan, pihak KPWKM sentiasa memastikan keseimbangan di antara keperluan pengusaha TASKA dan kanak-kanak di TASKA diteruskan tanpa mengabaikan salah satu pihak. Oleh yang demikian Kementerian menegaskan sehingga ini tiada cadangan untuk memberi status perkhidmatan komuniti kepada TASKA demi memastikan keselamatan, kesihatan dan kesejahteraan kanak-kanak terjamin.